



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Ruj. Kami : S/K.KEW/PK/KK/9999/160303
/57/883 JLD.2 SJ.8 (5)
Tarikh : 29 Julai 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**MENGELUARKAN ITEM DARIPADA KONTRAK PUSAT KEMENTERIAN
KEWANGAN - BEKALAN DAN PENGIRIMAN ALAT GANTI TULEN BAS
UNTUK SEMUA JENIS BAS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya kontrak bagi **bekalan dan pengiriman alat ganti tulen bas untuk semua jenis bas**, yang sebelum ini merupakan item kontrak pusat, telah dikeluarkan daripada senarai item kontrak pusat. Semua Agensi yang memerlukan item alat ganti tulen bas untuk semua jenis bas dikehendaki menguruskan sendiri perolehan tersebut mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

3. Arahan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2009**.

4. Sehubungan dengan ini, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) Bil. 3 Tahun 2006, PKP Bil. 3 Tahun 2006 (Pindaan Pertama), PKP Bil. 3 Tahun 2006 (Pindaan Kedua) dan PKP Bil. 3 Tahun 2006 (Pindaan Ketiga) adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(HASHMUDDIN BIN MOHAMMAD)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri